
**SESI PENDENGARAN AWAM
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG
BILIK SERI SARAWAK, BANGUNAN LAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)
PETRA JAYA, KUCHING, SARAWAK**

SABTU, 26 OKTOBER 2019

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] - *Pengerusi*
YB. Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]
YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Dr. Su Keong Siong [Kampar]
YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]
YB. Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]
YB. Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]

URUS SETIA

Encik Wan Ahmad Syazwan bin Wan Ismail [Ketua Penolong Setiausaha,
Seksyen Pengurusan Kamar Khas Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat]
Encik Norzulhilmie bin Nozir Ahmad [Penolong Setiausaha Kanan Seksyen Perundangan
dan Prosiding, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat]
Puan Wan Noor Zaleha binti Wan Hassan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Antarabangsa
dan Keselamatan, Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan]

HADIR BERSAMA

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)

Encik Muhammad Musawwir Kamal [Penasihat Undang-undang]

Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Polis Diraja Malaysia (PDRM)**

YBhg. SAC Dato' Mohd Azman bin Ahmad Sapri [Ketua Urus Setia KPN (Perundangan)]

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Puan Helina binti Sulaiman [Penasihat Undang-undang]

Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU)

YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari [Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan)]

Pejabat Penasihat Undang-undang JPM

YBhg. Datuk Almalena Sharmila binti Dato' Dr. Johan [Penasihat Undang-undang]

Jabatan Peguam Negara

Puan Shukriah Hamidah binti Mohamad [Ketua Unit, Pembangunan Sosial dan Ekonomi]

PEMBENTANG**Persatuan Bekas Polis Malaysia Sarawak**

Encik Zakaria bin Haron

Persatuan Pegawai Rendah Polis Sarawak

Encik Mohammad Hejemi bin Haji Omar

Persatuan Pegawai Kanan Polis Sarawak

ACP Alias bin Abd. Wahab [Komander Pasukan Gerakan Udara Sarawak]

ACP Lim Meng Seah [Ketua Polis Daerah Miri]

Supritendan Alexson Naga AK Chabu [Ketua Jabatan dan Siasatan Trafik I Sarawak]

Supritendan Ismail bin Mahmood [Timbalan Ketua Polis Daerah Kuching]

ASP Alias bin Nen [Ketua Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Serian]

Inspektor Mutthiah Pillai a/l VP Sinnathambi [Cawangan Khas, IPD Kota Samarahan]

Halaqah Kemajuan Muslim Sarawak

Encik Khairul Anuar bin Shazali

Persatuan Prodigy Kenyalang Kuching

Encik Abdul Adzim Adzmi bin Abdul Rahman

Individu

Mr. Anthony Choo Kok Pheng

Encik Ricky Hambali bin Sifrion

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**PEMERHATI****Polis Diraja Malaysia (PDRM)**

Supritendan Awang Arfian bin Awang Benjy [IPD Sarikei]

DSP Rowney AK Michael Jalak [IPK Sarawak]

DSP Neil Beginde

DSP Merbin Lisa [KPD Simunjan]

DSP Saga Chunggat [IPD Dalat]

DSP Roslan Leman

DSP Abdul Samat Amit

DSP Freddy Bian [KPD Kapit]

DSP Dennis Bunyam [IPD Tatau]

DSP Abdul Samat Amit [IPD Lubok Antu]

DSP Roslan Leman [IPD Lawas]

ASP Ng Chuen Beng [PGU Sarawak]

ASP Hazman Gitung [IPD Mukah]

ASP Kamaruzaman bin Yusuf [PGU Sarawak]

ASP Negeri Chuen Beng

ASP Bewin Christopher [IPK]

ASP Ab. Aziz bin Abdullah [IPD Bandar Samarahan]

ASP Jugah Aleng [KBPD Bali]

Inspektor Kumbat Tan [IPD Lundu]

Inspektor Binus Liyus

Inspektor Emieza Nyohid

Inspektor Muhd Akmal Hakim bin Mohd Noor

Inspektor Philip AK Kanyai

Inspektor Sawandi bin Powin [IPD Meradong]

Inspektor Abd Halmi [IPD Song]

Inspektor Augustine Igam [IPK Sarawak]

Inspektor Rechi AK John Chuhwa [JJPT]

Inspektor Russell AK Refson Jennee [JJPT]

Inspektor Joslin

Inspektor Benyamin Anna AK Kelom

Inspektor Nyipa AK Juwet [IPD Tatau]

Inspektor Benyamin Annau AK Kalom [IPD Lundu]

Inspektor Alrani Alipnor [IPD Limbang]

Sub Inspektor Khamdan Ali [IPD Kanowit]

Sub Inspektor Ooi Hock Guh [IPD Padanan]

Sub Inspektor Mohd Hejem Haji Omar [IPD Kuching]

Sub Inspektor Adrian anak Francis [IPD Serian]

Sub Inspektor Saharuddin [PGU]

Sarjan Mejar Nazran bin Abdul Karim [PPM Wilayah]

Sarjan Mejar Wet bin Lan [PGA]

Sarjan Mejar Hedani Ariffin [IPD Kuching]

Sarjan Mejar David Seroom [PGU]

Sarjan Johari Din [KPB Asajaya]

Sarjan Andry Sahiri [PGU]

Sarjan Suaidi Raisudin [PGU]

samb/-

HADIR BERSAMA *(samb/-)***PEMERHATI**

Sarjan Ramlee bin Sin [IPD]
Sarjan Zainuddin bin Moh [IPD Matu Daro]
Koperal Mohd Yassir [IPD Kanowit]
Koperal Kennadi a/k Bujang [IPD Matu Daro]
Koperal Fadzillah Abd Kadir [IPD Kuching]
Koperal Rubija [IPD Bau]
Koperal Basir [PGU]
Koperal Ismail [IPD]
Koperal Mohd Ridzal Abd Karim [Marin W5]
Koperal Monaliza Peji [Marin W5]
Encik Mohd Rizal Abd Karim [PGU]
Encik Abd Halimi bin Saupi [IPD Song]
Encik Sawand bin Bain [IPD Meradong]
Encik Ezuandi bin Bahadin [Polis Marin]
Encik Ab Rahman bin Mat Hassan [Polis Marin]
Encik Mohd Ridzal bin Abd Karim [Polis Marin]
Encik Nazran bin Abdul Karim [Polis Marin]
Puan Monaliza binti Peji [Polis Marin]

Persatuan Pegawai Rendah Polis Sarawak

Encik Adrian Francis
Encik Wet bin Dan
Encik Khamdan bin Ali
Encik Ramli bin OKK Binsin

Persatuan Bekas Polis Malaysia Sarawak

Dato' Benjamin Hasbie
Encik Minda AK Lecha [Ahli Jawatankuasa Pesara Lundu]
Encik Ariffin bin Nahrawi [Ahli Jawatankuasa]
Encik Bong Chon Khui
Encik Nichol AK Nyambang
Encik AK Nyambang
Encik Bong Chon Khui
Encik Minda Anak Lecha
Encik James Jambi
Encik Zakaria bin Haron
Encik Sahari bin Idris
Encik Saim bin Sulong
Encik Hj. Mohd Speri Hj. Nor Karim
Encik Ku Kampe Lu Kah Nang
Encik Peter Lee Yuk Sing

PPHBS

Encik Kintang Tagoh [Ahli Jawatankuasa]

LAPORAN PROSIDING**SESI PENDENGARAN AWAM
MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA****Sabtu, 26 Oktober 2019****Bilik Seri Sarawak, Bangunan Lama,
Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, Petra Jaya, Sarawak****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.41 pagi***[Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Okey, selamat pagi saya ucapkan kepada semua yang hadir pada pagi ini kepada sesi *town hall* kami bagi Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 ataupun IPCMC. Saya mengalu-alukan ahli-ahli jawatankuasa, wakil-wakil tetap ex-officio dari agensi-agensi kerajaan, Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat selaku setiausaha kepada jawatankuasa ini.

Sebelum meneruskan urusan kita hari ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam persiapan rapi untuk menganjurkan sesi pendengaran awam kita pada hari ini bagi memastikan ia berjalan dengan lancar. Ada yang telah pun datang dari Kuala Lumpur untuk *set-up* semua bahagian-bahagian teknikal di sini pagi ini, terima kasih untuk usaha tuan-tuan dan puan-puan.

Sekalung penghargaan khusus saya ucapkan kepada pihak kakitangan Parlimen Malaysia, Jabatan Ketua Menteri Sarawak, Jabatan Kerja Raya Sarawak, Kementerian Dalam Negeri, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang terlibat secara langsung dalam menyediakan tempat untuk penganjuran, penyediaan aturan pengangkutan, keurusetiaan, keselamatan, hebahan dan pelbagai bentuk kerjasama dan sumbangan dalam menjayakan program kita hari ini.

Seperti semua sedia maklum, jawatankuasa pilihan khas ini sedang mendapatkan pandangan, cadangan dan syor-syor daripada pihak-pihak berkepentingan ataupun *stakeholders* serta orang ramai mengenai rang undang-undang ini.

Sesi pendengaran awam ini adalah salah satu pendekatan yang diambil oleh jawatankuasa pilihan khas untuk mendapatkan maklum balas daripada semua pihak selain

daripada medium sesi konsultasi dan penerimaan cadangan sama ada melalui pengantaraan fizikal ataupun secara talian ataupun *online*.

Justeru, Jawatankuasa Pilihan Khas ini berharap agar sesi pendengaran awam kita hari ini dapat memberi peluang dan platform kepada pihak-pihak di negeri Sarawak, khususnya untuk menyuarakan pandangan, cadangan dan syor mereka untuk dipertimbang oleh jawatankuasa ini sebelum kami mengemukakan laporan kepada Majlis Dewan Rakyat kelak. Ini telah pun dijadualkan untuk diselesaikan pada atau sebelum 18 November tahun ini.

Dengan itu, saya ingin memulakan sesi pendengaran awam ini tetapi sebelum itu izinkan saya memaklumkan kepada tuan-tuan dan puan-puan bahawa segala penjelasan, pembentangan dan keterangan dalam sesi pendengaran awam ini akan direkodkan. Semua ini adalah direkodkan secara verbatim dan akan dimasukkan ke dalam *Hansard* dan akan menjadi sebahagian daripada rekod prosiding yang akan boleh dirujuk di masa hadapan.

Sehubungan itu, apabila pembentang menekan mikrofon, secara automatik pembentangan itu direkodkan dalam *Hansard*. Mikrofon ada di hadapan tuan-tuan dan puan-puan, ada butang untuk ditekankan. Jika pembentang memilih untuk menjelaskan perkara secara *off-record* atau tidak mahu keterangan itu dimasukkan ke dalam *Hansard* tetapi mahu menjelaskan apa-apa perkara kepada kami, tidak perlu menekan mikrofon itu dan keterangan itu tidak akan dimasukkan ke dalam *Hansard*.

Tanpa melengahkan ataupun membuang masa, saya ingin menjemput ataupun memperkenalkan terlebih dahulu pihak pertama yang hadir pada sesi kita pada hari ini iaitu Encik Zakaria bin Harun, wakil Persatuan Bekas Polis Malaysia Negeri Sarawak. Silakan tuan untuk memberi pembentangan. Terima kasih.

10.45 pagi.

Encik Zakaria bin Haron [Persatuan Bekas Polis Malaysia, Sarawak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan dan khas untuk Tuan Pengerusi, Selamat Hari Deepavali.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya memulakan pembentangan saya berhubung dengan RUU yang ada ini, terlebih dahulu saya ingin membawa perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentang sejarah pertubuhan IPCMC yang pertama dahulu, di mana ia ditubuhkan pada 4 Februari 2004 di bawah Akta Suruhanjaya Inkuiri 1950 selepas semua akhbar-akhbar tempatan termasuk *The News Straits Times* di muka surat pertama memaparkan berita yang mengatakan, yang mencalarkan kredibiliti polis dengan *statement* yang mengatakan, "*Police corrupt at all levels*".

Namun Ahli-ahli Yang Berhormat, fungsi dan peranan suruhanjaya tersebut pada ketika itu bukanlah untuk mencari kesalahan serta salah laku pegawai dan anggota polis semata-mata. *Their roles and function are more on remedial.* Ini jelas bila mana dalam laporan mereka, *they came up with ten trust strategic*, antaranya memodenkan peranan, fungsi dan organisasi PDRM; melancar gerakan di seluruh negara untuk memerangi jenayah; menambah baik siasatan polis; menambah baik perjawatan, saraan dan skim perkhidmatan polis; dan menambah dan meningkatkan peralatan dan logistik serta perumahan dan premis kerja yang lebih baik. Ini sebagai gambaran awal tentang IPCMC yang dahulunya. Mungkin kita boleh membuat perbandingan dengan apa yang ada pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin merujuk kepada RUU yang ada yang telah dibuat oleh Ahli Majlis ini dan saya tidak akan menyentuh kesemuanya. Saya hanya ingin mengambil beberapa perkara sahaja.

Mula-mula sekali saya ingin merujuk kepada seksyen 5(2)(f) iaitu tentang kuasa suruhanjaya untuk menyiasat dan menjalankan siasatan ke atas salah laku Polis Diraja Malaysia. Ahli Yang Berhormat, saya berpendapat bagi mengawal disiplin dan salah laku di kalangan pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia, Akta Polis 1967 ada menyenaraikan 66 jenis kesalahan tatatertib di mana tiada seorang pun akan terlepas daripada tindakan tatatertib bagi yang melanggar peraturan ini dengan hukuman serendah-rendahnya celaan dan seberat-beratnya buang kerja mengikut keseriusan kesalahan yang dilakukan.

■1050

Untuk itu, Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentang isu yang sama di mana tentang tafsiran salah laku. Salah laku dalam konteks ini amat luas tafsirannya. Salah laku mungkin berlaku disebabkan kepincangan pengurusan, kekurangan keperluan dan kelengkapan dan kebajikan.

Contohnya isu kematian dalam lokap yang menjadi isu ketidakpuasan hati tahanan di lokap mungkin disebabkan sakit, penagihan dadah, penyakit berkaitan penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Ketiadaan Pegawai Perubatan pula untuk membuat pemeriksaan sebelum dimasukkan ke dalam lokap menjadi liabiliti kepada Ketua Polis Daerah, Ketua Balai dan lain-lain anggota yang menjaga tahanan di dalam lokap.

Begitu juga dengan isu kesesakan di dalam lokap. Tidak seharusnya menjadi liabiliti kepada pegawai. Boleh sekiranya berlaku apa-apa kes terhadap tahanan.

Dalam hal ini juga, Yang Berhormat, di dalam rang undang-undang ini, IPCMC merupakan salah satu manifesto Pakatan Harapan. Perkara lain dalam manifesto belum lagi dilaksanakan

sepenuhnya dan enam perkara dalam Janji 20 Manifesto berkaitan dengan PDRM juga tidak menjadi perhatian melainkan IPCMC sahaja.

Isu IPCMC sebagai pihak berkuasa tatatertib dan mengambil alih kuasa SPP di bawah Artikel 140 Perlembagaan Persekutuan. Tidak ada keperluan IPCMC untuk memainkan peranan sebagai pihak berkuasa tatatertib dan seterusnya mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman. Adalah wajar sekiranya IPCMC hanya bertindak sebagai badan pemantau- *oversight body* sahaja sebagaimana kewujudan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) yang sedang berperanan ketika ini. Apa yang perlu dilaksanakan sekarang ialah memperkasakan SIAP dan JIPS.

Dalam isu ini, persatuan juga berpendapat bahawa IPCMC sebenarnya tidak memiliki keupayaan untuk melaksanakan tugas ini kerana saiznya yang kecil. Kerana ia tiada keupayaan dan sebahagian besarnya diserahkan peranan kepada JIPS melalui penurunan kuasa, maka perkara ini balik seperti asal. Maka, jelas IPCMC hanya berminat untuk mendapat kuasa menghukum dan menggambarkan satu niat jahat terhadap pasukan sahaja. *This is my personal opinion, my personal view*, Yang Berhormat.

Perkara yang kedua, *I think this is... [Pembesar suara dimatikan] [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seksyen ini nampaknya hanya menjurus kepada... *[Disampuk]* Kena ulang balik? Nak ulang balik kah tak payah, atau teruskan?

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha]: Kalau hendak dimasukkan, *then* ulang balik.

Tuan Pengerusi: Sekarang rujuk kepada seksyen mana?

Encik Zakaria bin Haron: Saya merujuk kepada seksyen 26(4), dan seksyen 27(4)(b) tentang kuasa-kuasa untuk memeriksa orang.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada saya, saya nampak seksyen ini hanya menjuruskan kepada tindakan yang akan diambil ke atas anggota polis sahaja tetapi bagaimana pula halnya dengan pemberi maklumat atau pemberi laporan yang terdiri daripada orang awam yang membuat laporan palsu? Apakah mereka juga tertakluk kepada seksyen yang sama berserta dengan kadar denda dan tempoh penjara yang telah ditetapkan di dalam seksyen tersebut? Jadi, ini tidak jelas kerana ia, pada pandangan saya, hanya menjurus kepada tindakan yang akan diambil kepada pegawai dan anggota PDRM sahaja.

Ahli Yang Berhormat, saya ingin pula merujuk kepada seksyen 31 hingga seksyen 33 iaitu prosiding- kuasa tatatertib juga. Saya dapati bahawa apa yang terkandung di dalam seksyen tersebut tidak mengambil kira serta membelakangi fungsi dan peranan Suruhanjaya Polis ataupun *Police Commission*. Jadi, setelah rang undang-undang ini diluluskan nanti, apakah lagi

yang tinggal untuk *Police Commission* sesudah itu? *Police Commission* hanya wujud tetapi tiada lagi mempunyai satu peranan untuk menghukum pegawai dan anggotanya. Ini pada pandangan saya.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, *I know the time is not that much for me*. Jadi, sebagai konklusinya, Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa PDRM sebagai sebuah institusi tertua di Malaysia iaitu pada tahun ini berusia 212 tahun telah memberi perkhidmatan yang terbaik *in their ability to serve the rakyat in maintaining law and order* dan keamanan kepada negara. Menerusi penglibatan dalam misi Pengaman Bangsa-bangsa Bersatu iaitu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau *United Nations*, pasukan Polis Diraja Malaysia telah diiktiraf sebagai *one of the best police force in the world*. Janganlah disebabkan seekor kerbau membawa lumpur, imej dan integriti Polis Diraja Malaysia keseluruhannya tercemar, sumbangan serta pengorbanan pegawai dan anggota dilupakan.

Untuk itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan ini apabila saya katakan bahawa sumbangan dan pengorbanan Polis Diraja Malaysia dilupakan. Baru-baru ini di dalam pembentangan belanjawan, kita telah dihidangkan dengan satu belanjawan di mana anggota tentera yang menerima Pingat Jasa Malaysia diberi *one-off* RM500.

Akan tetapi, bagaimana pula halnya dengan pegawai dan anggota pasukan Polis Diraja Malaysia yang telah berkhidmat untuk sekian lama yang dianugerahkan dengan Pingat Jasa Pahlawan Negara? *I think* Jasa Perkhidmatan Malaysia dengan Jasa Pahlawan Negara, pingatnya hampir sama. Malaysia dan Negara. *Malaysia is our* negara. So, perkara ini juga patut dipertimbangkan. Oleh sebab itu saya katakan tadi seolah-olah pengorbanan dan sumbangan Polis Diraja Malaysia pada hari ini telah dilupakan dengan tiada sumbangan atau ganjaran yang diberi kepada mereka.

■1100

Perkara ini sedikit sebanyak Yang Berhormat, telah menjadikan polis hari ini merasa terkilan dengan pemberian yang diumumkan untuk tentera dan tidak pula melibatkan pasukan Polis Diraja Malaysia.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya mengakhiri hujah saya di sini, ingin saya jelaskan bahawa segala apa yang saya sampaikan ini adalah merupakan pandangan peribadi saya tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pegawai ataupun anggota yang sedang berkhidmat. Dengan harapan, mudah-mudahan apa yang telah saya sampaikan tadi akan dapat diambil perhatian untuk memperbaiki, bukan sahaja rang undang-undang ini tetapi memperbaiki perkhidmatan Polis Diraja Malaysia. Dengan itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mendengar hujah daripada kami. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Encik Zakaria. Saya bercadang agar kita mendengar semua pihak dahulu, mendapat pandangan dan *feedback* daripada semua dahulu sebelum kita memulakan *discussion* selepas itu, untuk menangani apa-apa isu yang telah pun dibangkitkan. *I think it is better we do it all at one go at the end of it.* Jadi, kami menjemput...

Datuk Roosme binti Hamzah: *The next...*

Tuan Pengerusi: Pengucap yang seterusnya iaitu Encik Mohammad Hejemi bin Haji Omar.

Datuk Roosme binti Hamzah: So, yang Yang Berhormat, kalau *if you need them again...*

Tuan Pengerusi: *I think we will need them later when we discuss the whole thing.* Kami akan menjemput tuan-tuan balik apabila kami membuat diskusi nanti, kami akan menjemput tuan-tuan balik. Terima kasih. *Thank you very much.*

Encik Zakaria bin Haron: *Thank you* Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Datuk Roosme binti Hamzah: Sekejap, sekejap. Hendak bergambar dengan- *okay, come, come.* Tolong ambil gambar dengan *Chairman* sekejap, dengan semua jawatankuasa. *Come, come. Cameraman.*

[Saksi-saksi daripada Persatuan Bekas Polis Malaysia Sarawak meninggalkan bilik Mesyuarat]

[Saksi-saksi daripada Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia Sarawak mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Okey. Selamat pagi saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan dari Persatuan Pegawai Rendah Polis Sarawak. Saya difahamkan, ini akan diwakili oleh Encik Mohammad Hejemi bin Haji Omar.

Sebelum itu, sebelum memulakan pembentangan, kami *just* hendak maklumkan bahawa kami akan mendengar *submission* dan penghujahan tuan-tuan dan puan-puan. Kalau wakil-wakil yang lain hendak menyatakan apa-apa, *please feel free to do so.* Kami akan menghabiskan dengan semua pembentang dahulu. Selepas itu kami akan mengadakan diskusi untuk menangani isu-isu yang telah pun dibangkitkan. Ini adalah untuk- *to avoid repetition* sekiranya grup terdahulu menimbulkan isu yang sama. Kami boleh menjawab semua sekali gus pada akhirnya.

Jadi, tanpa melengahkan masa, saya menjemput Encik Mohammad Hejemi untuk memulakan pembentangan. Terima kasih.

11.07 pg.

Encik Mohammad Hejemi bin Haji Omar [Persatuan Pegawai Rendah Polis, Sarawak]: Terima kasih Tuan Pengerusi, *Parliamentary Select Committee* bersama Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan juga yang saya hormati Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat Parlimen. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam Sayangi Malaysiaku.

Terlebih dahulu, saya Supt. Inspektor Mohammad Hejemi bin Haji Omar mewakili Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia Kontinjen Sarawak mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian untuk menjemput persatuan PDRM untuk hadir bersama-sama dalam membentangkan pandangan dan juga apa-apa cadangan berkaitan dengan Rang Undang-undang IPCMC 2019. Sebagai mukadimah Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin merakamkan dan menzahirkan rasa terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang mana telah menerima memorandum bantahan yang telah dikemukakan oleh ketiga-tiga persatuan.

Untuk makluman, pada 19 Mac 2019 kita telah mengadakan satu mesyuarat agung khas persatuan di PULAPOL, Kuala Lumpur. Hasil daripada mesyuarat agung tergepar tersebut, kita telah merangka satu memorandum untuk diserahkan kepada kerajaan pada masa tersebut melalui Yang Dihormati Ketua Polis Negara iaitu Tan Sri Mohamad Fuzi bin Harun. *Alhamdulillah*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil pendekatan yang begitu positif dan menerima apa-apa jua cadangan dalam kita punya bantahan awal. Di mana beliau telah mengarahkan supaya benda itu dirujuk dan ditimbang serta dibincangkan oleh pihak GIACC.

Itu sebagai rakaman penghargaan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebagai pengenalan Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk memberi sedikit latar belakang. Polis Diraja Malaysia yang telah berusia 212 tahun pada tahun ini telah melalui zaman kegemilangan, bermula di era kolonial dengan ancaman komunis, era darurat, jenayah terancang dan era siber.

■1110

Era ini dilalui dengan sumbangan yang amat besar membawa kepada keamanan, kemakmuran dan seterusnya mencipta pembangunan negara. Sukar dinyatakan dengan sebarang bentuk gambaran perit getir yang dilalui oleh anggota PDRM, yang tidak pernah dilalui oleh mana-mana agensi kerajaan ataupun penjawat awam yang menerima kemudahan dan tangga gaji yang hampir setara.

Kegetiran ini boleh dinyatakan secara ringkas. Antaranya, polis merupakan profesion yang paling stres, kerja tanpa mengira masa, tugas yang tidak melayakkan untuk menuntut

bayaran lebih masa- Perintah Am Bab G; disifatkan sebagai sentiasa bertugas di bawah seksyen 19 Akta Polis, tidak mendapat cuti raya; diherdik, dicerca dan dimaki sehingga kepada risiko lebih serius apabila berhadapan dengan penyakit, kecederaan dan kematian disebabkan risiko semasa menjalankan tugas.

Masyarakat tidak merasainya kecuali keluarga terdekat. Namun, lebih kepada pandangan luaran tetapi masyarakat hanya dapat melihat ialah kesilapan, kesalahan dan keburukan yang terpapar malah yang sengaja digembar-gemburkan oleh pihak yang tidak suka dan menganggap polis sebagai musuh mereka. Malah warga PDRM masih menjalankan tugas dalam keadaan serba kekurangan dalam aspek kelengkapan tugas sehingga kemudahan dalam aspek kebajikan dengan balasan gaji yang tidak setimpal, dibandingkan dengan perkara yang disebutkan tadi.

Namun Yang Berhormat, apa yang dilihat oleh segelintir masyarakat ialah warga PDRM hidup mewah melebihi gaji seolah-olah mereka tidak layak untuk menikmati kemewahan. Tanpa usul periksa dikaitkan dengan perbuatan rasuah. Persepsi ini tidak dilihat dengan adil dibandingkan dengan penjawat awam yang lain kerana polis diberikan kuasa yang menjurus kepada perlakuan rasuah.

Kami tidak menolak dan menafikan bahawa terdapat dalam kalangan anggota PDRM yang terlibat dengan aktiviti jenayah, salah guna kuasa, rasuah dan lain-lain salah laku yang disifatkan sebagai *bad apple*. Perkara ini tidak wajar dan tidak adil jika digeneralisasikan disebabkan mereka tidak mewakili keseluruhan warga PDRM. Wajar diterima dalam jumlah sedikit yang melakukan kesalahan, namun masih terdapat jumlah yang besar yang masih memiliki integriti yang tinggi. Persekitaran ini tidak wujud prasangka yang sama jika dibandingkan dengan lain-lain agensi penguat kuasa atau lain-lain penjawat awam dalam lain-lain agensi kerajaan dan swasta.

Bertitik tolak kepada senario ini pula, pihak kami khususnya pegawai rendah polis bersikap positif dalam menerima sebarang usaha untuk meningkatkan integriti, membanteras jenayah dan penyalahgunaan dadah dan lain-lain salah laku, malah menerima secara positif pengenalan kepada IPCMC atau apa-apa mekanisme untuk meningkatkan integriti lebih-lebih lagi apabila SIAP memberi jaminan bahawa jawatankuasa teknikal akan ditubuhkan bagi tujuan memperincikan penubuhan dan RUU IPCMC.

Mohon saya mengimbau sedikit Tuan Pengerusi, pada pertemuan pertama pihak Persekutuan, merasakan satu semangat yang diberikan dalam menghasilkan satu output yang terbaik dan anjukkan yang berbeza dengan senario tahun 2005. Akan tetapi, apa yang kami melihat selepas beberapa pertemuan bersama SIAP dan GIACC serta meneliti kandungan RUU

dan kaedah pelaksanaannya, maka dilihat imej yang sama dengan yang IPCMC sebelum ini. Ini kerana ciri-ciri ketidakadilan dan tekanan diberikan kepada warga PDRM.

Maka dengan ini, ditegaskan bahawa IPCMC ditentang bukan kerana nama IPCMC tetapi kandungannya tidak memberi keadilan sewajarnya. Kami berpandangan pengurusan dan kawalan disiplin dalam PDRM akan menjadi kucar-kacir seterusnya akan memberi kesan negatif kepada masyarakat dan keselamatan negara. Mendapat maklum balas daripada masyarakat berhubung perkhidmatan polis dan peranan *whistleblower* yang akan memberi kesan positif kepada pendekatan integriti.

Penyediaan RUU tidak teliti dan tergesa-gesa. Mohon izin Tuan Pengerusi, isu untuk mewujudkan IPCMC tidak dibentangkan dengan jelas secara saintifik melalui kajian yang empirikal, aspek keberkesanan dan kewajaran diwujudkan IPCMC melainkan sekadar menerima pakai cadangan dalam laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia ataupun RCI.

Mohon izin, dalam laporan 125 cadangan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM ini, ia ada terma-terma rujukan. Cabaran yang dihadapi oleh Polis Diraja Malaysia iaitu ia ada 10 teras strategik RCI ini. Inilah yang kita harapkan supaya pihak kerajaan dapat memberikan keutamaan untuk melaksanakan 10 teras strategik dalam RCI ini sebelum melaksanakan IPCMC.

- (i) memodenkan peranan, fungsi dan organisasi PDRM;
- (ii) melancarkan gerakan di seluruh negara untuk memerangi jenayah;
- (iii) menambah baik siasatan Polis Diraja Malaysia;
- (iv) membasmi rasuah- ini mungkin telah dilaksanakan secara berterusan;
- (v) memastikan sistem kepolisan mematuhi undang-undang yang termaktub dan kewajipan hak asasi manusia;
- (vi) meningkatkan kesedaran dan amalan mematuhi hak wanita dan kanak-kanak dalam Polis Diraja Malaysia; dan
- (vii) menambah baik perjawatan, saraan dan skim perkhidmatan Polis Diraja Malaysia, yang ini merupakan tuntutan kita yang telah kita bincang bersama-sama dengan pihak GIACC dan juga pihak yang berkenaan;
- (viii) meningkatkan pengurusan sumber manusia dan prestasi dalam Polis Diraja Malaysia
- (ix) mempertingkatkan peralatan dan logistik Polis Diraja Malaysia; dan
- (x) menyediakan perumahan dan premis kerja yang lebih baik.

So, inilah yang seharusnya diberikan keutamaan selain daripada menubuhkan IPCMC.

Ingin juga saya menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada beberapa perkara yang telah dibawa oleh pihak persatuan. Semasa libat urus dan juga mesyuarat lanjutan yang telah diadakan pada 16 Mei 2019 bersama-sama dengan pihak GIACC bertempat di Bilik Mesyuarat Utama GIACC Aras 3, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Dr. Anis Yusal bin Yusoff iaitu Timbalan Ketua Pengarah GIACC. Pihak kita amat kesal kerana dalam maklum balas minit yang disediakan tidak ada sebarang maklum balas yang menjawab kepada cadangan-cadangan yang kita telah kemukakan.

Antaranya yang pertama, PDRM perlu dikenali sebagai perkhidmatan khas ataupun *special service*. Menambah baik kestabilan organisasi saraan dan skim perkhidmatan PDRM dengan memastikan PDRM ditransformasikan kepada perkhidmatan khas selaras dengan jabatan-jabatan perkhidmatan yang lain, mempunyai kementerian sendiri dan mungkin boleh saya tambah di sini, maksudnya polis ini diletakkan di bawah satu kementerian khas seperti mana pasukan angkatan tentera diletak *direct* di bawah Kementerian Pertahanan.

Ini antara detil cadangan yang telah kita kemukakan. Menambah baik skim perkhidmatan polis. Ketiga, menjaga kebajikan polis dengan diberikan polisi insurans dan perkhidmatan kesihatan di mana sebelum ini pihak polis dan juga warga PDRM ada diberi kemudahan iaitu diinsuranskan oleh pihak kerajaan tetapi sejak akhir-akhir ini ia telah dimansuhkan dan sebaliknya jabatan-jabatan lain masih lagi di-*insured*-kan oleh kerajaan. Jadi, inilah saranan kita supaya pegawai Polis Diraja Malaysia ini dilindungi insurans daripada mula perkhidmatan dia sehinggalah dia bersara.

■1120

Yang keempat, diberikan gaji dan elaun khas berdasarkan profesionalisme. Memandangkan untuk meningkatkan tahap kecekapan dan kawalan pengurusan kewangan dan mengoptimumkan keperluan logistik dengan membenarkan PDRM menguruskan kewangannya sendiri- *self-govern*, termasuk pengurusan bajet dan prosedur kewangan lain. Saya difahamkan bahawa kuasa Ketua Polis Negara cuma hanya boleh meluluskan perbelanjaan sehingga RM500 ribu sahaja. Malah, kalau setakat RM500 ribu, memang tidak banyak benda yang boleh dibuat apatah lagi untuk melengkapkan prasarana khususnya kuarters, baiki lif dan sebagainya. Ini perlu ditambahkan kuasa kewangan kepada Ketua Polis Negara.

Seterusnya, cadangan yang masih lagi tidak mendapat maklum balas iaitu kita mencadangkan supaya dicalonkan seorang Senator bagi perkhidmatan polis. Dicalangkan agar melantik seorang Senator dalam Parlimen bagi memperjuangkan nasib anggota polis sekiranya cadangan kementerian tidak berjaya diwujudkan ekoran daripada cadangan kementerian tadi.

Dengan itu, Yang Berhormat, saya mewakili Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia Kontinjen Sarawak menyampaikan suara mereka seperti berikut.

Pertama, pendirian persatuan ialah tidak sama sekali berkompromi dengan salah laku dan menyokong sebarang usaha untuk mempertingkatkan integriti tetapi tidak setuju kaedah dan pendekatan mewujudkan IPCMC.

Kedua, menyeru kerajaan untuk menarik kembali pembentangan RUU IPCMC seterusnya tidak merealisasikan IPCMC.

Ketiga, mengekalkan status Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) yang berperanan terhadap semua agensi penguat kuasa supaya memberi lebih manfaat kepada rakyat dan negara dengan tidak memberi tumpuan khusus kepada polis sahaja.

Keempat, peranan dan tanggungjawab SIAP perlu diperkukuhkan ke arah menjamin prestasi yang lebih cemerlang dan efektif, dan bukan dengan cara menubuhkan IPCMC dan ombudsman.

Kelima, memperkasakan JIPS PDRM dalam usaha menangani isu salah laku kerana PDRM lebih memahami masalah dalaman dan dalam masa yang sama, tidak menghalang kewujudan badan atau agensi luar sebagai pemantau.

Itulah suara-suara dan juga cadangan serta pandangan daripada Persatuan Pegawai Rendah Polis di mana saya mewakili golongan yang teramai dalam PDRM ini. Sekian, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Tuan atas ucapan dan penghujahan tersebut tadi. Sekiranya ada sesiapa lain dari kumpulan ini yang ingin membangkitkan apa-apa isu, boleh dibangkitkan juga sekiranya ada.

Sekiranya tidak ada, kami akan menjemput tuan-tuan dan puan-puan balik nanti untuk kami mengadakan diskusi untuk isu-isu yang telah pun dibangkitkan bersama dengan *group* yang pertama tadi supaya kami dapat menangani semua isu *at one go*. Okey.

[Saksi-saksi daripada Persatuan Pegawai Rendah Polis Diraja Malaysia Sarawak meninggalkan bilik mesyuarat]

[Saksi-saksi daripada Persatuan Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia Sarawak mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Selamat pagi saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan dari *team* Pegawai Kanan Polis Sarawak. Saya difahamkan bahawa pembentangan dan penghujahan *team* ini akan dibuat oleh ACP Tuan Alias bin Abdul Wahab.

So, sebelum kita memulakan pembentangan, izinkan saya memaklumkan bahawa kami akan mendengar kepada semua hujahan-hujahan yang akan dibangkitkan sekarang dan selepas itu- *in fact*, selepas sesi ini, kami akan menjemput dua *group* sebelum ini yang juga dari pihak polis di mana kami akan membincangkan semua isu-isu yang telah pun dibangkitkan agar kita dapat menjawabnya dan membincangkannya dengan seterusnya.

So, tanpa melengahkan masa, saya menjemput Tuan Alias untuk bermula dengan hujahan Tuan.

11.29 pagi

ACP Alias bin Abd Wahab [Komander Pasukan Gerakan Udara Sarawak, Wakil Persatuan Pegawai Kanan Polis Sarawak]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi. Terima kasih yang dihormati Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Dato'-Dato', Tuan-tuan.

Saya ACP Alias bin Abd. Wahab, Komander Pasukan Gerakan Udara Pengkalan Sarawak mewakili Persatuan Pegawai Kanan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak. Jadi, terima kasih yang dihormati Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

■1130

Sebenarnya kami di sini mewakili pegawai kanan IPK Sarawak. Saya berkehendakkan bahawa bukan saya seorang sahaja ambil *part* dalam perbahasan ini. So, persoalan-persoalan yang kami akan kemukakan adalah kemungkinan besar telah pun diajukan oleh rakan-rakan kami yang telah bersara dan juga PPRPD. Jadi, tanpa membuang masa Yang Berhormat, saya terus kepada hujahan-hujahan kami. Ada beberapa perkara dalam rang undang-undang yang hendak dibentangkan di Parlimen nanti untuk kami dapatkan klarifikasi tentang IPCMC tersebut. Pertamanya Tuan Pengerusi, kami mengharapkan bahawa sekiranya IPCMC ini diwujudkan, ia akan memberi kami, terutamanya PDRM, keadilan dari segi keadilan kepada semua.

Pertamanya, persoalan yang kami ajukan di sini, pengenalan IPCMC yang hendak dilaksanakan ini, adakah ia dibuat kajian yang terperinci terhadap mana-mana negara secara empirikal? Modul manakah yang kita akan ikuti untuk IPCMC ini? Contohnya, kalau di UK negara maju, mereka mempunyai IOPC yang dimaklumkan bahawa IOPC ini hanya memantau dan melaporkan salah laku pegawai anggota polis mereka untuk diambil tindakan, bukannya ia *handle* sendiri dan juga ambil tindakan oleh badan tersebut, pertama. Keduanya, di Hong Kong ada

IPCC, pun untuk pemantauan. Jadi, kita menggunakan modul mana untuk IPCMC di Malaysia ini, Yang Berhormat?

Keduanya, berkenaan dengan— saya terus pergi kepada persoalan-persoalan yang kami perlukan penjelasan yang termaktub dalam Rang Undang-undang IPCMC. Artikel 147, Perlembagaan Persekutuan, yang mana kuasa-kuasa Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) adalah melantik dan berkuasa untuk tindakan tatatertib, membuang kerja dan turun pangkat. Difahamkan bahawa IPCMC ini ia boleh buang kerja dan turut pangkat pegawai dan anggota PDRM. Adakah ini bersesuaian ataupun mengikuti laras Perlembagaan Persekutuan, Artikel 147? Sekiranya apa yang kami faham bahawa Perlembagaan Persekutuan, Artikel 147 ini, orang yang layak ataupun pihak yang berkelayakan untuk membuang kerja pegawai dan anggota ialah orang yang melantik. Klarifikasi ini hendaklah kami dapat supaya kami dapat kefahaman yang lebih terhadap Rang Undang-undang IPCMC.

Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga hendakkan ahli-ahli persatuan untuk mengambil bahagian juga. Sekiranya ada apa-apa yang hendak ditambah pada apa yang dibincangkan, boleh dikemukakan.

Kedua, hak pembelaan dan hak PDRM sekiranya tohmahan dan kompelin yang dibuat oleh orang awam didapati tidak benar. Apakah yang- *next of action* daripada pihak IPCMC ini? Adakah dibiarkan begitu? Kompelin ini sekiranya saya dimaklumkan bahawa ia boleh tidak bernama, tidak tahu siapa, surat layang, contohnya. Kami dikehendaki ataupun pihak berkuasa ini hendaklah memberi jawapan ataupun *feedback* kepada *complainer*, sedangkan di dalam surat layang- *complainer* itu tidak ada nama. Macam mana mekanisme untuk menangani setelah didapati tidak bersalah? Adakah pihak *complainer* tadi terlepas begitu sahaja? Atau ada mekanisme-mekanisme lain yang boleh memberi keadilan kepada PDRM?

Ketiganya, isu kematian di dalam lokap. Daripada kajian yang dibuat daripada tahun 2009 hingga 2019, didapati 144 kematian di dalam lokap, hanya enam didapati melibatkan kecuaiian dan sebagainya. Sekiranya perkara ini berlaku, kita akan tubuhkan koroner untuk membuat siasatan. Sekiranya IPCMC ini dijalankan, maknanya semua pihak tertumpu, kita hendaklah lapor kepada IPCMC. IPCMC membuat siasatan, sedangkan koroner ini adalah yang utama. Kami berpendapat bahawa koroner yang siasatan di jalanan ini hendaklah diselesaikan dahulu.

Sekiranya dapatan mengatakan bahawa terdapat unsur-unsur salah laku atau kecuaiian, barulah pihak lain boleh mengambil tindakan lanjutan. Ini yang kami- sekiranya IPCMC ini dijalankan, IPCMC dan juga badan-badan NGO terus boleh masuk dan menyiasat. Sedangkan koroner ini yang lebih penting dan perlu diberi keutamaan, pendapat kami daripada Persatuan Pegawai-pegawai Kanan. Mohon penjelasan nanti, Tuan Pengerusi.

Okey, yang seterusnya adalah sekiranya IPCMC ini ditubuhkan dan dijalankan, hak-hak kami sebagai anggota PDRM dari segi mendapatkan peguam- *lawyer*. Sekiranya dibenarkan, adakah kos-kos *lawyer* dan juga tanggungan dan sebagainya ini dibiayai oleh pihak kerajaan? Atau kami sendiri, *personal* kena adakan *lawyer* sendiri? Sekiranya pihak kerajaan memberi atau *provide lawyer* untuk mewakili kami di dalam tatacara IPCMC, saya rasa tidak ada masalah. Oleh sebab kita dalam PDRM sentiasa telus dan berkeyakinan bahawa keadilan akan sentiasa diberikan kepada PDRM. Saya rasa ini untuk keterangan lebih jelas, ASP Alias ini, soalnya. Ya, ada penambahan atau tidak kepada Tuan Pengerusi dan juga ahli panel kita?

Tuan Pengerusi: Mohon sebelum itu memperkenalkan diri dahulu untuk rekod.

11.37 pagi

ASP Alias bin Nen [Ketua Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Serian, Persatuan Pegawai Kanan Polis Sarawak]: *Assalamualaikum* dan selamat pagi semua.

Yang Berhormat, saya ASP Alias bin Nen, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Serian. Saya tertarik ingin mencadangkan berkaitan dengan pengambilan peguam mewakili kakitangan awam.

Pertama sekali, saya ingin memaklumkan tidak terdapat dalam mana-mana rang undang-undang ini lantikan peguam kepada kakitangan awam, terutama polis. Untuk makluman Yang Berhormat, kita polis adalah satu aset kerajaan, dilantik daripada orang awam menjadi anggota polis yang terlatih. Kepakaran kita dalam pasukan polis ada macam-macam bidang.

Jadi sebagai contoh, sekiranya berlaku salah laku yang melibatkan individu, *human factor*, contohnya individu tersebut memukul orang salah atau apa, jadi mati. Tuduhan di bawah Kanun Keseksaan akan dikenakan kepada individu tersebut dan dia akan mengambil peguam dia sendiri. Okey, masalah saya di sini, ingin bertanya dengan rang undang-undang ini, sekiranya di dalam penugasan harian, kita ada SOP. Tidak semestinya SOP tersebut dapat diguna pakai seratus peratus. Kemungkinan ada kesilapan teknikal. Sebagai contoh Yang Berhormat, *escort* orang tahanan, kita semua memang ada SOP diperintahkan untuk *escort*.

Akan tetapi sekiranya berlaku kemalangan, kemalangan dari segi teknikal, kenderaan atau apa-apa, jadi adalah orang tahanan tersebut mati atau tercedera. Kemungkinan akan ada aduan daripada pihak *family* kepada pihak polis. Sesiapa yang dalam senarai diperintahkan atau SOP tersebut akan didakwa dan dirujuk kepada IPCMC, jika IPCMC mendapati ada salah laku. Jadi, kita akan dituduh atas kesalahan jenayahlah.

■1140

Jadi, hak kami ini sebagai kakitangan kerajaan yang bekerja untuk kerajaan dan sepatutnya dilindungi oleh kerajaan untuk mengambil *lawyer* daripada kerajaan. Kita tidak ada kemampuan untuk membayar kos guaman sendiri, mengeluarkan *pocket money* sendiri untuk membayar bantuan guaman sebab kita bekerja untuk kerajaan.

Jadi, saya mohon dimasukkan juga benda-benda ini sekiranya melibatkan kesalahan-bukan kesalahan individu, ke atas anggota tersebut. Jadi, saya mohon pihak *select committee* ini bagi masukkan juga pandangan daripada kami. Terima kasih Yang Berhormat.

ACP Alias bin Abd. Wahab: Terima kasih Tuan Alias. Tuan Pengerusi, izinkan saya teruskan kepada penghujahan saya pada pagi ini. Seterusnya kalau kita *refer* kepada seksyen 27 IPCMC yang mengatakan bahawa jika sekiranya sepina diberikan kepada pegawai ataupun anggota polis yang tidak hadir, gagal hadir maka hukumannya adalah dua tahun penjara dan RM10,000. Adakah IPCMC ini mengambil kira bahawa- bukannya IPCMC ini mengambil tindakan terhadap *misconduct* ataupun tatatertib ataupun disiplin pegawai yang tidak melibatkan denda ataupun penjara dan denda RM10,000? Jika sekiranya gagal hadir, dua tahun penjara dan RM10,000 denda.

Isu ini dikemukakan oleh Supt. Alexson daripada setiausaha persatuan, saya mohon supaya Tuan Alexson *elaborate* lagi tentang perkara ini. Silakan Tuan.

11.41 pagi

Suptenden Alexson Naga AK Chabu [Ketua Jabatan dan Siasatan Trafik I Sarawak, Persatuan Pegawai Kanan Polis Sarawak]: Selamat pagi Tuan Pengerusi, Datuk dan semua Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen- *select committee* ini. Saya Supt. Alexson Naga AK Chabu, Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik. Terima kasih Tuan Alias kerana memberi peluang kepada saya untuk *elaborate* seksyen ini.

Saya difahamkan di bawah seksyen 27 ini, untuk sesiapa sahaja yang dipanggil ataupun disepina oleh pihak IPCMC jika disiasat dan jika tidak hadir, hukumannya adalah denda RM10,000 dan dua tahun penjara. Jadi, berlaku satu yang tidak adil lah kepada kita pihak PDRM jika sekiranya seksyen ini masih dikekalkan dan dikuatkuasakan. Jadi, kesalahan itu cuma tidak hadir sahaja, dia tidak hadir itu mungkin atas pelbagai sebab sama ada dia sakit ataupun atas alasan lain yang sangat tidak dapat dielakkan. Jadi, kita mohon supaya seksyen ini diubah dan memberi suatu yang lebih adil kepada kita.

Saya juga mohon izin Tuan Pengerusi ada dua perkara lagi sebagai tambahan Yang Dihormati Tuan Alias. Saya mohon dilihat semula seksyen 5(2)(c) RUU IPCMC 2019 dan juga

seksyen 26, dan 27 RUU IPCMC 2019, Tuan Pengerusi. Di mana di bawah seksyen 5(2)(c) RUU IPCMC 2019 iaitu berkaitan dengan kuasa mengaudit dan memantau aspek operasi PDRM. Jadi, kuasa untuk mengaudit dan memantau operasi PDRM ini jika sekiranya ia terlalu luas kuasanya, jadi ia sudah tidak ada kerahsiaan kepada pihak PDRM.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa pihak PDRM ini ia mempunyai pelbagai kaedah dan pelbagai cara untuk kita melakukan sesuatu operasi. Sesuatu maklumat yang kita simpan itu ada kalanya kita tidak boleh dedahkan terlalu awal, takut operasi itu tidak berjaya terutamanya operasi yang melibatkan nyawa, melibatkan harta benda dan melibatkan VVIP. Jadi, kita mohon untuk dilihat semula seksyen 5(2)(c) RUU IPCMC 2019 ini.

Satu lagi iaitu seksyen 26 dan 27 tadi Tuan Pengerusi, RUU IPCMC 2019 ini yang berkaitan dengan pendedahan maklumat dan Dokumen Terperingkat semasa siasatan aduan salah laku ini dilakukan. Jadi, itu sahaja daripada saya Tuan Pengerusi, terima kasih.

ACP Alias bin Abd. Wahab: Terima kasih Tuan Alexson. Seterusnya Tuan Pengerusi, saya teruskan kepada penghujahan kami pada pagi ini. Bagi pihak Persatuan Pegawai Kanan Polis, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak ingin memohon penjelasan juga dari segi seksyen 51 IPCMC yang mewujudkan IPCMC ini khusus untuk PDRM, sedangkan di dalam Malaysia kita mempunyai 21 agensi penguat kuasa. Jadi, pemansuhan dan pembubaran SIAP ataupun GIACC hendak dilaksanakan, sedangkan IPCMC ini adalah untuk PDRM sahaja. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat adakah IPCMC juga akan melibatkan seluruh agensi penguatkuasaan di Malaysia.

Sekiranya untuk dikuatkuasakan seluruh agensi di Malaysia, kami cadangkan supaya nama IPCMC itu ditukar. Ini kerana IPCMC khusus untuk PDRM sahaja. Kami berpendapat adalah adil juga untuk semua jabatan penguat kuasa di Malaysia ini dipantau ataupun dilaksanakan sebagaimana PDRM lah, IPCMC. Isu ini juga akan ditambah oleh Tuan Mutthiah KPPB Persatuan Pegawai Kanan Polis. Silakan.

11.47 pagi

Inspektor Mutthiah Pillai a/l VP Sinnathambi [Cawangan Khas, IPD Kota Samarahan, Persatuan Pegawai Kanan Polis Sarawak]: Selamat pagi, salam sejahtera Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Datuk, Dato', tuan-tuan dan puan-puan. Saya Inspektor Mutthiah Pillai a/l VP Sinnathambi mewakili Persatuan Pegawai Kanan Polis Cawangan B iaitu Cawangan Inspektor.

Seperti mana Pengerusi saya bagi tahu, tadi adalah berhubung dengan peruntukan seksyen 51 dalam Rang Undang-undang IPCMC di mana menyebut Akta Suruhanjaya Integriti

Agensi Penguatkuasaan 2009, Akta 700 dimansuhkan dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan adalah dibubarkan.

Maka, sekiranya Rang Undang-undang IPCMC ini diluluskan, maka 20 agensi lain selain daripada PDRM sudah tidak ada satu akta atau undang-undang untuk menguatkuasakan dari segi integriti. Seperti mana kita tengok, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini telah diwartakan pada 3 September 2009 dan dikuatkuasakan pada 1 April 2011. Sekiranya Rang Undang-undang IPCMC ini di luluskan, ini menunjukkan tiada kesinambungan dari segi integriti untuk agensi-agensi lain yang mana menjalankan penyiasatan juga seperti pihak polis.

Untuk ini, sekiranya rang undang-undang ini diteruskan juga, perlu ada pindaan. Untuk pindaan dan ada peruntukan undang-undang yang merangkumi semua agensi. Maksudnya seksyen 51 ini perlu dibuat pindaan dan pindaan ini akan merangkumkan agensi-agensi lain yang terlibat sekali.

Kalau tengok sejarah sebelum ini memang rang undang-undang yang telah diperkenalkan pada tahun 2005 ini telah digantikan dengan EAIC iaitu Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. Namun apabila dibuat untuk ataupun dicadangkan untuk IPCMC yang terbaru ini, 20 agensi yang lain telah dikecualikan. Maka, saya bagi suara pegawai kanan Cawangan B ingin pindaan dalam seksyen ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

ACP Alias bin Abd. Wahab: Terima kasih Tuan Mutthiah.

Seterusnya saya juga menjemput supaya OCPD Miri Tuan Lim seterusnya untuk membuat pertanyaan ataupun verifikasi tentang RUU IPCMC. Silakan.

11.49 pagi

ACP Lim Meng Seah [Ketua Polis Daerah Miri, Persatuan Pegawai Kanan Polis Sarawak]: Selamat pagi Tuan Pengerusi, *Parliamentary Select Committee* serta Ahli-ahli Yang Berhormat *Select Committee*. Saya ACP. Lim Meng Siah Ketua Polis Daerah Miri.

■1150

Untuk sesi ini, saya cuma hendak bincangkan Rang Undang-undang IPCMC seksyen 33 iaitu kuasa hukuman salah laku terhadap anggota polis. Kalau melihat daripada segi kuasa yang terdapat dalam Rang Undang-undang IPCMC yang akan dibentangkan, ini menunjukkan Akta IPCMC ini secara langsung telah mengambil alih tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Polis yang tertakluk dalam Artikel 140 Perlembagaan Persekutuan. Pada pendapat kami, bahawa akta ini telah secara langsung membelakangkan kuasa SPP yang ada dalam Perlembagaan.

Ingin saya menjelaskan bahawa peruntukan seksyen 33 IPCMC tidak munasabah dan tidak wajar kerana kuasa lantikan anggota polis adalah terletak di tangan SPP, maka kuasa

tatatertib dia perlu juga dikembalikan kepada kuasa SPP. Maka, kuasa tatatertib yang ada pada IPCMC ini tidak wajar dan tidak sepatutnya ada dalam akta ini. Sekian, terima kasih.

ACP Alias bin Abd Wahab: Terima kasih Tuan Lim. Seterusnya saya menjemput Supritendan Ismail, wakil OCPD Kuching. Terima kasih.

11.52 pagi

Supritenden Ismail bin Mahmood [Timbalan Ketua Polis Daerah Kuching, Persatuan Pegawai Kanan Polis Sarawak]: Tuan Pengerusi, sebenarnya apa yang saya hendak perkatikan ini telah dibangkitkan oleh Tuan Alias tadi. Cuma saya hendak menambah sedikit sahaja. Saya Supritendan Ismail, Timbalan Ketua Polis Daerah Kuching.

Berkenaan dengan hak dan pembelaan tadi itu. Di sini saya tak mahu cakap lagi kita perlu adakah terdapat hak atau pembelaan di mana tohmahan-tohmahan yang tidak berasas yang memang didapati tidak betul itu, adakah terdapat ataupun apakah bentuk yang ada. Saya mahukan mesti ada pembelaan ataupun hak terhadap kompelin-kompelin yang tidak berasas itu.

Saya mahu dimasukkan, "*mesti ada*". Tidak lagi mahu, adakah terdapat, ataupun apakah bentuk. Saya tekankan di sini ialah- saya mahukan, mesti ada pembelaan ataupun hak kepada kami warga PDRM yang telah ditohmah ini, yang telah mendapat malu dan sebagainya, bukan sahaja diri sendiri, keluarga pun mendapat malu.

Saya tidak mahu lagi bertanya, adakah terdapat ataupun apakah bentuk. Kita mahukan hak itu mesti ada. Itu sahaja yang saya hendak tekankan, penambahan saya sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi.

ACP Alias bin Abd Wahab: Terima kasih Tuan Ismail. Yang Berhormat, izinkan saya untuk bertanyakan kepada ahli-ahli persatuan sekiranya ada apa-apa isu yang hendak dikemukakan lagi yang tidak terdapat pada saya kepada Yang Berhormat dan juga ahli panel kita pada pagi ini. Sila, kalau ada.

So, Yang Berhormat dan Datuk-Datuk, tuan-tuan, puan-puan, sebagai kesimpulan, kami warga Persatuan Pegawai-pegawai Kanan IPK Kontinjen Sarawak tidak- bukan kata seratus peratus menolak Rang Undang-undang IPCMC tetapi apa yang keutamaan di sini adalah keadilan kepada pegawai dan anggota PDRM. Itu yang kami maksudkan. Sekiranya RUU IPCMC ini diluluskan, hak dan keadilan kepada pegawai dan anggota PDRM hendaklah difikirkan semasak-masaknya.

Sebab, kita sebagai PDRM ini adalah tunggak dan tiang kepada keselamatan negara Malaysia kita yang kita cintai. Apa-apa cadangan yang dibuat ataupun yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan kita, kita menyokong penuh tetapi hendaklah fikir juga kita punya kebijakan dan

juga keadilan kepada PDRM. Sekiranya keadilan itu diberi, *in syaa Allah- God's will*, kita akan support 100 peratus. Sebab, kita di dalam pasukan PDRM, kita telah berjanji *who is the government of the day, that is our boss, that is our father, and father should take care of the children. That's all.*

Itu sahaja daripada kami, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan. Terima kasih.

[Saksi-saksi daripada Persatuan Pegawai Kanan Polis Sarawak meninggalkan bilik Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Terima kasih kepada hujahan-hujahan tersebut. Ia adalah amat mendalam. Kami menghargai pandangan-pandangan tuan-tuan dan puan-puan.

Saya bercadang pada tahap ini mungkin kita boleh menjemput dua kumpulan sebelum ini, oleh sebab mereka semua adalah dari pihak polis, supaya kita dapat membincangkan isu-isu yang telah pun ditimbulkan oleh semua tiga kumpulan tersebut. Mungkin wakil-wakil mereka boleh masuk.

[Saksi-saksi daripada Persatuan Bekas Pegawai Polis Malaysia Sarawak, Persatuan Pegawai Rendah Polis Sarawak dan Persatuan Pegawai Kanan Polis Sarawak mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Okey. Baik. So, kami telah pun selesai mendengar pandangan-pandangan dan hujahan-hujahan daripada tiga kumpulan tadi yang kesemuanya daripada PDRM.

■1200

Kami ingin mengucapkan terima kasih atas hujahan-hujahan tersebut yang agak mendalam dan bermakna. Kami akan mengambil kira dan mempertimbangkan isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh tuan-tuan tadi. Kami sudah tentunya akan memberi syor-syor berdasarkan isu-isu yang telah pun kami dengar tadi. Sekarang pada tahap ini, saya bercadang agar kita membincangkan isu-isu utama yang telah pun saya catatkan tadi. Mungkin kita boleh mengadakan satu perbincangan untuk membincangkan isu-isu tersebut. Ahli-ahli Jawatankuasa saya juga mungkin akan menimbulkan beberapa soalan yang kami fikir adalah perlu untuk dijawab. *So, I think I will start. Then, you can-* saya akan mula dengan beberapa soalan atau beberapa isu berdasarkan perbincangan kami tadi.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yes. Saya secara umumnya, saya berfikir atau berpendapat bahawa pendirian pihak polis dalam penubuhan rang undang-undang ataupun undang-undang ini adalah terdapat satu rasa takut bahawa mungkin pihak polis akan menjadi mangsa. Ini adalah satu *observation* saya yang telah pun saya lihat, bukan sahaja daripada perbincangan kami dengan pihak polis pagi ini tetapi juga dengan pihak polis di Kuala Lumpur, di mana kami juga telah pun mengadakan perbincangan-perbincangan yang sama.

Di mana saya- dari apa yang telah pun dimaklumkan dan diujahkan, umpamanya sama ada *commission* yang ada sekarang di bawah- kuasa-kuasa di bawah *commission* yang ada sekarang akan menjadi *redundant*, akan hilang sekiranya IPCMC ini ditubuhkan. *Now*, salah satu isu yang penting adalah berdasarkan ataupun berhubung dengan *constitutionality*. Ataupun sama ada IPCMC ini adalah satu undang-undang yang mengikut Perlembagaan Persekutuan. So, di bawah- *just* untuk *background*.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, di bawah Artikel 140, Perlembagaan Persekutuan, terdapat- ini secara amnya, terdapat peruntukan yang menyatakan bahawa satu badan boleh ditubuhkan untuk menangani isu-isu *disciplinary control* terhadap pegawai-pegawai polis. *Now*, itu adalah boleh ditafsirkan sama ada mengikut Perlembagaan atau tidak. Ada pandangan-pandangan yang berbeza tetapi itu adalah peruntukan undang-undang di mana IPCMC ini ditubuhkan.

So, berdasarkan peruntukan tersebut, sekiranya IPCMC ini ditubuhkan mengikut rang undang-undang ini, maka ini bermakna bahawa IPCMC itu akan mengambil alih tugas-tugas siasatan *commission* tersebut. Itu adalah *effect* Artikel 140 tersebut. Jadi, sekiranya IPCMC ini ditubuhkan, maksudnya adalah bahawa apa yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini berkenaan dengan siasatan yang akan- kuasa-kuasa siasatan akan menjadi undang-undang utama berkenaan dengan disiplin pegawai-pegawai polis. Jadi, undang-undang ataupun badan-badan lain seperti *commission* tersebut akan diambil alih tugasnya oleh IPCMC ini. *As far as disciplinary control is concern*. Jadi, itu perlu difahami.

Akan tetapi apa yang ditimbulkan tadi adalah satu isu yang *interesting* oleh kerana satu isu yang sekiranya IPCMC ini mengikut peruntutannya adalah hanya mempunyai *effect* ataupun merujuk kepada pihak polis sahaja, bukannya kepada agensi-agensi lain seperti- *I think* Tuan Mutthiah yang menimbulkan tadi. Terdapat 21 buah agensi penyiasatan atau dalam penguatkuasaan di negara ini, MACC, Kastam dan sebagainya. Agensi-agensi ini di bawah EAIC sekarang adalah juga tertakluk kepada siasatan. Akan tetapi dengan IPCMC, agensi-agensi itu tidak akan dirangkumi oleh IPCMC.

Ini adalah satu isu yang penting, *obviously*. Akan tetapi apa yang penting juga adalah bahawa IPCMC ini mungkin tidak akan merangkumi agensi-agensi lain tetapi ia akan menangani masalah-masalah disiplin berkenaan pihak polis. Ini adalah isu yang perlu kita lihat, ini adalah hakikatnya. Terdapat aduan-aduan terhadap pihak polis. Bukan saya- tidak dapat dinafikan, tiada sesiapa yang menafikan bahawa pihak polis ini merupakan pihak atau agensi yang paling penting di dalam keselamatan negara dan sebagainya.

Akan tetapi perlu- ini bukan semestinya pandangan peribadi saya, ini adalah pandangan yang telah pun kita dapat daripada *feedback* yang telah pun kami dapat daripada sesi-sesi kami sebelum ini. Bahawa terdapat satu keperluan untuk menubuhkan satu badan yang akan melihat ke dalam isu-isu disiplin polis, terutamanya dalam kes-kes serius seperti *enforce disappearance*, *death in lock up* dan sebagainya. Ini adalah insiden-insiden yang telah pun membawa kepada pemanggilan ataupun *the called for the establishment of the IPCMC*.

Mungkin apa yang ditimbulkan tadi oleh ACP Alias, grup yang ketiga tadi telah menimbulkan beberapa isu yang saya fikir adalah penting juga. *I think it is very valid*. Pertamanya, berdasarkan dengan perbandingan IPCMC dengan *jurisdiction* antarabangsa seperti di UK dan di Hong Kong. Di mana telah pun diujahkan tadi bahawa fungsi agensi-agensi di negara-negara tersebut adalah lebih kepada pemantauan, bukan kepada *interrogation* dan juga hukuman seperti yang dicadangkan di bawah rang undang-undang ini. Ini adalah satu perbandingan yang *valid*, yang saya fikir adalah satu perbandingan dan satu poin yang *valid*, yang perlu- sudah tentunya kami akan mengambil kira kerana *the jurisdiction*. *In fact*, kami juga akan mendengar daripada wakil-wakil dari UK ini, dari IOPC di UK. Mereka juga akan datang untuk memberi taklimat kepada kami berkenaan dengan pengalaman mereka dengan IOPC mereka sama ada ia berjaya atau tidak.

So, pemantauan- salah satu isu yang saya ingin mendapat mungkin pandangan tuan-tuan dan puan-puan adalah berkenaan dengan kuasa IPCMC dalam menyiasat dan dalam menghukum juga. Semua dibuat sekali oleh agensi yang sama. Mungkin ini adalah satu perkara yang tuan-tuan dan puan-puan mempunyai pandangan, *what are your views on this? Yes*.

■1210

ACP Alias bin Abd. Wahab: *Thank you*, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Minta maaf, ACP Alias. Minta maaf.

ACP Alias bin Abd. Wahab: *Thank you* Tuan Pengerusi. *I think you are also a lawyer* Tuan Pengerusi. Kalau kita tengok dalam satu-satu kes atau satu-satu isu, kita ambil *comparison* yang mana satu badan yang menerima laporan, dia menyiasat dan dia jatuh hukuman, di mana justifikasinya? Kalau kita ambil contoh sebagai IOPC, *it just an observation* melaporkan tata salah

laku kepada pihak berkuasa tatatertib organisasi tersebut, *then make sure they are taking action. Then, I think that is very valid, very valid. Thank you, Tuan Pengerusi.*

Tuan Pengerusi: Berkenaan isu tersebut, terdapat *disciplinary committee* di bawah rang undang-undang ini di seksyen 33(1). Sekiranya kita lihat kepada seksyen tersebut, seksyen 33(1) hukuman salah laku adalah lembaga tatatertib boleh menjalankan semua hukuman tersebut termasuk buang kerja. Lembaga tatatertib itu ditakrifkan sebagai lembaga yang ditubuhkan di bawah seksyen 31(3). Jadi, kalau kita lihat kepada seksyen tersebut, seksyen 31(3) anggota-anggota lembaga tersebut adalah diberi definisi. Jadi, mereka adalah seperti di dalam jadual di belakang. Jadi, ini adalah usaha untuk mengasingkan satu siasatan dengan hukuman di bawah bil ini. Adakah itu memadai?

ACP Alias bin Abd. Wahab: Saya rasa Tuan Pengerusi, pandangan saya secara peribadi, kita telah pun ada agensi ataupun badan-badan disiplin dalaman ataupun luaran seperti SPP. Kalau kita laporkan kepada mereka, maknanya suruhanjaya ini boleh monitor, tindakan susulan boleh diambil, repot balik kepada Suruhanjaya IPCMC tentang tindakan apa yang-ataupun- dan boleh inkuiri balik jika tidak bersesuaian dengan tindakan yang diambil oleh contohnya JIPS yang di-*establish* di dalam PDRM ataupun SPP yang boleh buang kerja. *The task* dia ada Tuan Pengerusi.

So, pendapat peribadi saya, tidak perlu lagi kita wujudkan satu mekanisme atau orang-kemungkinan mereka tidak *well-versed* dalam PDRM punya SOP dan tugas dan sebagainya. Jika sekiranya kita tubuhkan satu lagi badan untuk berkaitan dengan ini, implikasi-implikasi kemudian itu kita tidak nampak lagi sekarang ini tetapi bila sudah tubuhkan akan banyak berlaku implikasi-implikasi. Cadangan saya, kita mengguna pakai yang sudah sedia ada. Sekiranya IPCMC ini hendak juga dijalankan atau ditubuhkan *just* sebagai *you take as an example to make sure that* tindakan *disciplinary* ini telah dijalankan. *That is my personal opinion. Thank you, Tuan Pengerusi.*

Tuan Pengerusi: Satu lagi isu sebelum saya menyerahkan kepada rakan-rakan saya adalah berkenaan dengan *whistleblower*- orang yang memberi maklumat. Adalah saya, *I gather* bahawa terdapat kebimbangan bahawa mungkin terdapat aduan-aduan palsu yang dibuat dan apa tindakan akan diambil terhadap *false whistleblowers* tersebut. Ini saya mengambil maklum kebimbangan-kebimbangan tuan-tuan dan puan-puan tadi. Ini juga sudah tentunya akan menimbulkan dalam syor-syor kami tersebut. Okey.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, seperti yang dinyatakan oleh Tuan Pengerusi tadi, memang terdapat macam seolah-olah daripada di Kuala Lumpur pun apa yang kita dengar dan juga di sini pun memang ada kebimbanganlah pihak polis bahawa perkara ini tidak *proper*, apa semua. Jadi, ada yang menyatakan tadi contohnya

apa yang Tuan Zakaria cakap tadi yang mengatakan bahawa kita yang buat undang-undang. Jadi, kita hendak betulkan bahawa bukan kita yang buat.

Jadi, kita anggotai *select committee* ini sebab kita hendak tengok pendapat tuan-tuan, *that is why*. So, apabila macam tadi itu macam agak emosilah, kita fahamlah kerana apa emosi itu. Jadi, *please* yang ini memang kita buat bahawa *select committee* hendak lihat sama ada rang undang-undang ini *proper*, hendak mendengar tuan-tuan. So, kita hendak dengar pandangan tuan-tuan sebelum kita bagi *recommendation* kepada rang undang-undang inilah.

Lagi satu tadi macam saya cakap adalah pendapat peribadi, *I think* benda itu bukan pendapat peribadilah sebab tadi menganggotai semua itu lah. Jadi, lagi satu macam tentang apa yang dikatakan *again* saya katakan bahawa tadi kata kita ada *committee*, kita sudah ada macam contohnya SPRM untuk pantauan dan ada pendapat macam koroner kan? Jadi, apa-apa hal koroner lah yang melihat.

Akan tetapi saya tekankan lagi contohnya apa yang terjadi kepada kes Teoh Beng Hock? Benda itu berlaku di premis SPRM dan koroner mengatakan bahawa Teoh Beng Hock tidak membunuh diri dan tidak dibunuh. Jadi, apa itu? Jadi inilah isu-isu yang sebenarnya yang menyebabkan perkara ini ditubuhkanlah. Maknanya sebab itulah saya cakap lagi... [*Pembesar suara dimatikan*]

Kita di sini hendak mendengar pandangan tuan-tuan mengenai perkara itu. Ada beberapa yang saya catatkan tadi ini. Bila sudah bercakap banyak-banyak ini sudah terlupa sudah. Baik.

Jadi, kita haraplah perkara ini pun kita dengar fasal saya sendiri pun duk fikirilah sama ada anggota ini di suruhanjaya ini apabila dia cakap tidak memasukkan bekas polis kah ataupun bekas penjawat awam, saya kata yang itu perlu diambil kiralah *because* kalau you tidak *expert* dalam bahagian itu *how can you give* apa kan. Perkara yang itu kita setuju lah dengan perkara itu. So, so far itu adalah pendapat saya kepada ini, terima kasih.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Regarding this bill, I think from our consultation with members of stakeholders in Kuala Lumpur as well as our first town hall meeting today, I think there is a lot- there is some overlaps in terms of concern that have been raised and also even when we discuss with the members of the civil society, they've also come out with suggestion in terms of how we can improve the existing bill and this current form.*

I like to just give assurance to members of the police who are here, the three persatuan that we will look into these- your concern. We will see how we can collectively decide afterwards on what is the best form to- firstly, to be constitutionally correct and also to see how we can

actually take into consideration of the concern, and also mean to show the effectiveness of the IPCMC.

From what I gather- from earlier discussion question raised, I think there is more- there is certain interpretation. Maybe, perhaps by today, members which may have been different from the interpretation that we have, when we were in Kuala Lumpur. So, I think there will have to be amended and then later present in the new form and to be explain to the members of the police throughout the country. So, thank you very much.

Puan Rusnah binti Aluai: Satu lagi yang Tuan Zakaria cakapkan tadi fasal seksyen 9, *vacation of the office*, seksyen 9(f) tadi; *“if he is elected or appointed as a member of a House of Parliament or the State Legislature of any State”*. Seksyen yang ini saya rasa tadi macam masa pembentangan ada kesilapan. Kita Ahli Parlimen memang tidak boleh, bukan kami yang menjadi anggota IPCMC.

■1220

Jadi apabila dia bantangkan tadi, dia kata tidak setuju dengan kami menjadi anggota, ini memang tak boleh. Oleh sebab itulah ia dijadikan di bawah- kalau orang itu jadi Ahli Parlimen ataupun ADUN, dia tidak boleh menganggotai IPCMC tadi. Ada silap faham saya rasa di situ.

Encik Zakaria bin Haron: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, bila saya membangkitkan seksyen 9 tadi tentang pengosongan jawatan, saya berpandu kepada rang undang-undang yang ada ini. Jelas di situ mengatakan, *“Jawatan seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah menjadi kosong jika...”* I am not going to read (a) to (e). We go for (f), *“Jika dia dipilih atau dilantik sebagai Ahli Parlimen atau Dewan Undangan Negeri mana-mana negeri”*. So, to my personal opinion, I am not going to say it is illegal. The composition of this IPCMC is not relevant to what is stated in the RUU. It is contravening this part of the RUU.

Tuan Pengerusi: *What do you mean by that? Because, sekiranya kita lihat kepada seksyen tersebut, I think my interpretation or understanding of it is that it will exclude an elected Member of Parliament or State Assembly. In other words, in the event of a person who he is become or elected as a Members of Parliament tomorrow, then he has to vacate his Seat. He vacates his position in the Commission. So, I think that’s what it means.*

Encik Zakaria bin Haron: *It’s just that because it was not clear because I am not familiar with the law, in fact.*

Tuan Pengerusi: *In your concern is that it will include the MP and ADUN as well? Is that your concern?*

Encik Zakaria bin Haron: *We are based on this only.*

Tuan Pengerusi: *No, no, no. I think the opposite- I think what it means here is that once a person is elected as an MP or State Assembly person, then he has to vacate his position in IPCMC.*

Encik Zakaria bin Haron: Yes, Yang Berhormat- jawatan seseorang, jawatankuasa hendaklah menjadi kosong- *that means it must be vacated while he is appointed as the...*

Tuan Pengerusi: *Upon being elected, they have to vacate.*

Encik Zakaria bin Haron: Yes.

Tuan Pengerusi: *That's right.*

Encik Zakaria bin Haron: *That is what- it's clear here. Maybe I have different interpretation on this because I am not this in law- in terms of law, I am not familiar. So, I am just- my point was just to seek clarification on this part.*

Bercakap fasal ini, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, *in fact* saya begitu tertarik- saya balik kepada yang lama, Yang Berhormat, ya- dengan komposisi jawatankuasa IPCMC yang dahulu, tahun 2004, di mana jawatankuasa itu adalah merupakan mereka yang dalam kakitangan kerajaan dan para pegawai kerajaan, sama ada yang telah bersara ataupun- *but none were from the Members of Parliament or ADUN.*

Tuan Pengerusi: No. IPCMC akan ditubuhkan terdiri daripada 10 ahli seperti yang dinyatakan di dalam rang undang-undang ini. Komposisi ahli-ahlinya juga telah pun diberi definisi. Ia adalah secara *express* dinyatakan bahawa ini tidak akan termasuk ADUN dan Ahli Parlimen. Itu saya ingat tidak ada pertikaian.

Satu lagi isu adalah- *I think* untuk satu *concern*, pihak polis secara praktiknya adalah berkenaan dengan kos guaman. Kos guaman telah pun ditimbulkan. Saya, *as far as my reading is concern, I don't think there is any provision with regards to* kos guaman *in the* rang undang-undang *as it is. But, did that as it may. Of course,* sekiranya seseorang itu di dalam- secara lazimnya sekarang, sekiranya seseorang polis didakwa untuk apa-apa pertuduhan jenayah di bawah *Penal Code*, sekarang di mahkamah biasa, dia perlu menanggung kos sendirilah seperti mana-mana orang yang lain. Akan tetapi, sekiranya satu *government agency* disaman, kemungkinan *government agency* itu akan diwakili oleh Jabatan Peguam Negara.

I think itu adalah praktisnya atau amalan yang dibuat sekarang. Itu adalah praktis untuk kes-kes sivil. So, di dalam kes ini, saya tidak pasti sekiranya amalan itu juga akan diguna pakai di bawah skim IPCMC ini tetapi ini adalah satu perkara yang mungkin kita boleh melihat dengan secara lebih mendalam.

Encik Mohammad Hejemi bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, *may I respond?* Berkaitan dengan kos guaman ini, patut kita ambil satu kes yang kecil ataupun salah laku kecil ada

dimasukkan di dalam pindaan oleh jawatankuasa. So, apabila berlaku salah laku kecil hasil prosiding daripada Suruhanjaya ini mendapati anggota itu bersalah, so dia memang tidak ada ruang lain. Cuma, dia perlu untuk membawa kepada- ambil *lawyer* lah maksudnya.

So, yang akan berhadapan dengan kes-kes kecil ini kebiasaannya adalah daripada golongan *rank in file* yang gaji mereka rendah, pendapatan yang jauh lebih rendah daripada pegawai-pegawai atasan. So, ini yang kita bimbang. Ini pun *part of welfare* lah, kebajikan kepada anggota-anggota pangkat rendah ini. Ini yang kita bangkitkan daripada kos untuk bantuan guaman ini. Kalau perlu dimasukkan dalam itu, *maybe* dia masuk dalam pindaan ini untuk dimasukkan *clause* inilah.

Kedua, Yang Berhormat, saya ingin bertanya- oleh sebab persoalan ini mungkin belum dirungkaikan, ataupun *I am not sure either* yang *group one and three* tadi ada *raise*- berkaitan dengan *clause 33(1) until (4)* dan juga *Federal Constitution, Article 135*- yang jelas di dalam *clause 33(1) to (4)* itu khususnya (1), hukuman itu dia boleh sehingga kepada turun pangkat dan buang kerja.

Sedangkan *if we back to Federal Constitution, Article 135*, kuasa untuk melantik ini adalah di bawah Artikel 135, dia boleh melantik, boleh menurun pangkat sehingga kepada boleh buang kerja. Sedangkan IPCMC ini dalam *clause* ini, dia tidak ada kuasa melantik. Adakah boleh membuang kerja tetapi tidak ada kuasa melantik? Ada tak percanggahan antara *clause 33* dan *Article 135 Federal Constitution*? Thanks.

Tuan Pengerusi: Ya, saya ingat isu tersebut adalah kita panggil, *we normally called it- "the power to appoint includes the power to dismiss."* Isu ini telah pun ditimbulkan sebelum ini di sesi-sesi kami sebelum ini. *Of course*, ini adalah satu perkara yang ada sedikit berkaitan dengan isu *constitutionality* rang undang-undang ini. Kami masih dalam proses mengumpul pandangan-pandangan daripada mereka yang berkenaan isu ini.

ACP Alias bin Abd. Wahab: *One more to clarify*, Yang Berhormat, *about* tindakan sepina yang diberi oleh IPCMC punya *group* dan denda dua tahun penjara ataupun RM10 ribu *which is- is that crime punishment or what?*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1230

Tuan Pengerusi: *Section 27* berkenaan dengan *the production of documents*.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *I think that does not concern subpoenas and the...*

[Berbincang sesama Ahli tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Roosme binti Hamzah: *Section 26(4)*.

Tuan Pengerusi: *Again- ya, but that is in relation to section 26 as a whole.*

[Berbincang sesama Ahli tanpa menggunakan pembesar suara]

ACP Alias bin Abd. Wahab: *Kita memperkatakan atau membincangkan rang undang-undang berkaitan dengan salah laku, misconduct. This is punishment for crime.*

Tuan Pengerusi: *But, I think it is also necessary to ensure the attendance of witnesses, isn't it? Others, how do you investigate?*

ACP Alias bin Abd. Wahab: *Then, it will be... [Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *So, if you don't have- you know, if you are not strict about it, how do you investigate? The police officer will just say, "Look, I don't want to come." Then, what do you do?*

ACP Alias bin Abd. Wahab: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Mic, mic, mic. Oh, tidak hendak mic, teruskan.*

Tuan Pengerusi: *But I mean- I think also...*

ACP Lim Meng Seah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Roosme binti Hamzah: *You want it recorded atau tidak?*

Tuan Pengerusi: *No, but I think- just before that, I think I just to address what you have said, ASP Lim right? I think...*

Beberapa Ahli: *ACP Lim.*

Tuan Pengerusi: *ACP Lim, minta maaf.*

I think now of course, a person who refuses to attend for the purpose of giving a statement can be arrested. You see? So, that applies to anybody. So, it should apply to the police as well, if they refused to attend. I don't see why there should be a difference.

ACP Alias bin Abd. Wahab: *Then, saya rasa ia perlu kepada- macam sepina from the court. It is not from the IPCMC. IPCMC may be can request from the court.*

Tuan Pengerusi: *I mean, ya- of course, of course. This is whether or not it comes from- it doesn't matter. I mean, the point is there must be a power, isn't it? To compel the attendance of a party for the purpose of investigation. Otherwise, the party will never come. You know Sir...*

ACP Alias bin Abd. Wahab: *Unless...*

Tuan Pengerusi: *You can't investigate.*

ACP Alias bin Abd. Wahab: *Unless they have a very good reason.*

Tuan Pengerusi: *I mean of course, that is the exception but generally, there must be...*

ACP Alias bin Abd. Wahab: *Must be...*

Tuan Pengerusi: *...A power to compel attendance, I think.*

ACP Alias bin Abd. Wahab: *Ya, ya. The exception also Tuan Pengerusi, I think should be there. For example, if the investigation officer (IO) have a very interesting case. Suddenly, they have been called- IPCMC called for any reason. So, should they go for the IPCMC or the very interesting murder case, for example they have to solve. Then, unless they call this, except they are on official job or anything which is relevant.*

Tuan Pengerusi: *Okay...*

Puan Rusnah binti Aluai: *I think under the principal of the natural justice, that one is if you have a reason, the valid reason why. So, mesti you tidak boleh kena benda ini kan?*

Tuan Pengerusi: *Then, it would be a mitigating factor which can be taken into account.*

ACP Lim Meng Seah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

ACP Alias bin Abd. Wahab: *That is why Yang Berhormat, I think...*

ACP Lim Meng Seah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Yup.*

ACP Lim Meng Seah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Because, the CPC is not a body. The CPC is the procedural rule. So, it doesn't have a body to punish. So, the body must go to court, must be the court which the CPC applies to.*

ACP Lim Meng Seah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Okay, we will take that into account.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Can you use the mic? Since you want this...*

Tuan Pengerusi: *Ya, I think because it has to be recorded.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *So that, we can on.*

Tuan Pengerusi: *Ya, switch it on.*

ACP Lim Meng Seah: *Apa yang kita bincang atau hendakkan di bawah seksyen 26 iaitu kegagalan untuk menghadiri persidangan yang di sepina kan oleh pihak IPCMC. Seseorang itu boleh disabitkan kesalahan dengan denda RM10 ribu ataupun penjara tidak lebih dua tahun. Pada pandangan saya, ini adalah undang-undang yang terlampau kejam. Kalau you bandingkan dengan CPC, kegagalan menghadiri siasatan polis di bawah seksyen 111, perkara itu dibawa ke mahkamah untuk mahkamah putuskan sama ada ia dipenjarakan ataupun dikenakan hukuman denda. Saya harap perkara ini boleh diberi pertimbangan dan dibuat kajian semula. Terima kasih.*

Tuan Pengerusi: *Terima kasih. Saya ingat- that is a valid issue. We will- kami akan mempertimbangkannya. Okey, itu sahaja isu-isu yang ingin saya timbulkan. Sekian, sekali lagi saya mengucapkan...*

ACP Lim Meng Seah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Last one? Last one, you use your mic.*

ACP Lim Meng Seah: *Yang Berhormat, the last issue I want to bring is under section 31(1) pertaining to the...*

Tuan Pengerusi: *Section 31?*

ACP Lim Meng Seah: *Section 31(3) also, sorry. Schedule- jadual Disciplinary Board. Kalau kita lihat komposisi members of the Disciplinary Board untuk kesalahan-kesalahan yang telah tercatat di dalam itu, saya rasa kuasa itu agak tidak balance yang mana komposisi daripada Members of IPCMC. Chairman itu adalah daripada IPCMC, members- two members of the commission and then after that, IGP or one of representative from the police force of a higher rank than the accused, another one is from SPP. The komposisi is a bit not balance, because the commission is automatically three, the two is from SPP or IGP representative.*

Tuan Pengerusi: *Not balance, meaning what- what are you proposing?*

ACP Lim Meng Seah: *Ada berat sebelah. Put in balance.*

Tuan Pengerusi: *Meaning?*

ACP Lim Meng Seah: *Two is from Members of IPCMC. The other two is one from police, one is from SPP, the other one is from independence. Not from police or not from the IPCMC group.*

Tuan Pengerusi: *Okay, thank you. Thank you for your- any other views before we? So, itu sahaja...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *No, last one.*

Tuan Pengerusi: *I think- oh ya, one more. Boleh.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Last, last.*

Inspektor Mutthiah Pillai a/l VP Sinnathambi: *Yang Berhormat, saya hanya ada satu luahan perasaanlah atau boleh dikatakan mewakili semua dalam pasukan ini.*

Seperti mana dalam peruntukan seksyen 51 tadi, seperti mana Yang Berhormat pun bersetuju bahawa sekiranya dimansuhkan Enforcement Agency Integrity Commission itu, maka agensi lain akan terkecuali.

Ini saya ingin merujuk IPCMC ini satu rang undang-undang yang akan diluluskan, di mana akan memberi implikasi kepada 130 ribu orang sahaja iaitu warga polis yang sedang berkhidmat sekarang. Sekiranya digandakan dengan ahli keluarga, kita boleh nampak sekiranya memang hasrat kerajaan untuk menyemai integriti dimulakan dengan pasukan polis. Hasrat ini memang diterima oleh anggota polis sendiri dan sudah ada JIPS dalam pasukan kita, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard yang sedang diperkasakan lagi dengan pelbagai kaedah dan juga untuk

memastikan anggota kita, pegawai kita, warga kita menjalankan tugas dengan lebih telus untuk memuaskan hati rakyat Malaysia. Juga agensi PDRM ini sendiri sudah berusia 212 tahun.

Apabila IPCMC dilaksanakan yang menjurus kepada hanya satu pihak, ini memberi kesan psikologi kepada warga polis itu sendiri dan kerjaya polis itu sendiri. Ini mungkin akan mengundang- akan jadi kurang popularlah kerjaya ini.

■1240

Maksud saya di sini adalah tiada kompromi dalam hal keselamatan. Ini akan refleksi kepada kerajaan sendiri dan juga negara itu sendiri. Apabila kita bandingkan seperti mana hujahan yang dibuat oleh Tuan Alias itu tadi, berbanding dengan negara-negara bangsa lain dan ini akan memberi impak kepada kita. Sekiranya ini dilaksanakan dan memang akan menjadi buah mulut di negara lain, untuk orang lain.

Namun dicadangkan agar ada pindaan dalam rang undang-undang yang sedia ada ini. Mungkin dicadangkan diperkasakan JIPS itu balik, lebih baik lagi, dengan cadangan-cadangan yang lebih baik lagi untuk kita- maksudnya kita *control ourselves rather than* dibawa ke satu akta yang akan memberi kesan kepada sebahagian orang sahaja. Melainkan satu akta ini merangkumi lebih kurang 1.3 anggota awam yang lain yang menjalankan tugas dalam kerajaan. Itu sahaja hujahan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Rusnah binti Aluai: Satu lagi iaitu kita- sekarang ini rata-rata Ahli Parlimen, kita *concern* tentang kemudahan, fasiliti dan macam-macam dalam polis. Jadi, tuan-tuan- makna saya rasa janganlah bimbang. Itu adalah isu YB, memang kita *fight*. Ramai Ahli Parlimen sedang untuk memperjuangkan polis punya kebajikan dan sebagainya.

ACP Alias bin Abd. Wahab: Terima kasih.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien: *I think Chairman, actually concerning to maybe also give some feedback to Tuan Mutthiah. Actually, concerning this issue of establishing the IPCMC, independent from what we have existing which is the EAIC. Is that because due to certain limitation of EAIC doing the set-up and also the powers of the individual bodies, 21 bodies which is why there was this considered better to have the IPCMC. So, it is not directed because we want to highlight the fact that there's more issues of the police in particular.*

But, because of limitation as what we can do with the EAIC. So that is to give you an assurance. Of course, disciplinary control applies to those who are being look into, does not apply every members of police force. Of course, we also recognize the service and commitment of the police in general. So, this is not to paint the police force in the bad light but it is just to ensure that disciplinary control is in place and the members of those who are being investigated are given fair treatment. Okay, thank you.

Tuan Pengerusi: *So, thank you. Terima kasih kepada semua, thank you very much for your views. We appreciate that... [Disampuk]*

Supritendan Alexson Naga AK Chabu: Tuan Pengerusi, saya mohon izin. Boleh satu perkara Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, boleh.

Supritendan Alexson Naga AK Chabu: Mohon dicatatkan juga Tuan Pengerusi di bawah seksyen 35 bertajuk “penghinaan” Mohon izin untuk saya baca ringkas Tuan Pengerusi; *“Seseorang yang melakukan perbuatan menghina terhadap seseorang anggota Suruhanjaya melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM10 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Perbuatan menghina ertinya apa-apa perbuatan tidak hormat atau apa-apa kejian atau ugutan terhadap seseorang anggota Suruhanjaya pada bila-bila masa dan mana-mana tempat lain kerana dia menjalankan sifatnya sebagai seorang anggota suruhanjaya.”*

